

Arul Kanda sedia bertemu Rafizi, Tony

■ NOOR AZURA SAHRIL

KUALALUMPUR - Presiden dan Pengarah Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy menyatakan kesediaan untuk bersemuka dengan pemimpin pembangkang termasuklah Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua dan Ahli Parlimen Pandan, Mohd Rafizi Ramli berhubung syarikat milik penuh kerajaan itu.

"Insya-ALLAH kami akan berjumpa dengan sesiapa sahaja, kalau Rafizi dan Tony Pua dua-dua sekali pun boleh, tiada masalah," katanya ketika menjawab pertanyaan hadirin pada Majlis Penerangan Perdana 1MDB, TPP dan Bajet 2016, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Terdahulu di majlis itu, tetamu yang hadir pada sesi soal jawab menggesa Arul Kanda memberi penerangan kepada pemimpin yang lantang meng-

kritik beliau sebelum ini dan tidak faham mengenai keadaan syarikat itu.

"Kenapa jemput kami yang sudah setuju dengan 1MDB? Jemputlah puak-puak seperti Tun Dr Mahathir Mohamad, Tony Pua dan Lim Kit Siang yang tak faham atau buat-buat tak faham," kata salah seorang hadirin.

Mengenai beberapa pemimpin yang terus lantang mengkritik 1MDB kerana didakwa tidak faham isu dan sepatutnya dijemput hadir ke majlis itu, Arul Kanda berkata, sememangnya majlis ini terbuka kepada semua pihak.

"Setahu saya, penganjur telah membuka jemputan untuk semua pihak. Sesiapa sahaja boleh bersama-sama termasuk pembangkang. Jadi majlis ini memang betul telus, tidak ada apa yang hendak disembunyikan," katanya.

Dalam pada itu, jelas Arul Kanda, 1MDB telah bersikap terbuka dalam berdepan kri-



Arul Kanda ketika menyampaikan penerangan berkaitan kemelut 1MDB di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam. - FOTO: BERNAMA

tikan banyak pihak dan bertindak menjawabnya berdasarkan fakta.

Malah, katanya syarikat itu telah mengambil inisiatif dengan menerbitkan buku berjudul *1MDB: Siapa Kata Tak*

Dijawab bagi memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai situasi sebenar mengenai 1MDB.

"Pada tahun ini (2015) kami telah mengeluarkan lebih 90 siaran media mengenai

1MDB, bukan hanya media tempatan tetapi juga dengan media antarabangsa," katanya.

Menurut Arul Kanda, 1MDB mengambil pendekatan 'open book' yang mana boleh disiasat dan terbuka memberi

penjelasan kepada sesiapa jua.

"Kami diwaktu ini adalah 'open book' tetapi untuk membaca buku terbuka perlulah minda terbuka," ujarnya yang mahu orang ramai juga bersikap terbuka memahami isu berkaitan 1MDB.

Kata Arul Kanda, 1MDB bersikap terbuka apabila disiasat oleh pelbagai agensi, termasuklah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Audit Negara, Polis Diraja Malaysia dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara.

"Kami gunakan fakta untuk jawab soalan-soalan, bukan guna emosi, bukan guna kaedah politik.

"Kami telah menjadi sebuah 'open book' yang mana pada masa ini menjadi sejarah 1MDB menjadi syarikat di Malaysia yang disiasat oleh paling banyak agensi dan kami terbuka beri penjelasan dan disiasat," katanya.